

'Usah sangsi data positif ekonomi negara'

BH 24/3/2007

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia tidak perlu sangsi dengan keadaan ekonomi negara kerana petunjuk sedia ada menjurus kepada perkembangan yang positif dan memberangsangkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, ia dibuktikan melalui peningkatan jumlah perdagangan negara, jumlah pelaburan langsung asing (FDI), nilai saham dan kadar inflasi pada kadar positif.

"Pada tahun ini, kelancaran projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang direncanakan apabila dilaksanakan sepenuhnya akan membawa kepada momentum yang lebih rancak dari segi pertumbuhan ekonomi," katanya dalam wawancara khas bertajuk 'Eksklusif Bersama TPM' yang disiarkan di RTM1, malam tadi.

Beliau berkata, fokus kerajaan sekarang ialah untuk membolehkan rakyat menikmati dan mendapatkan manfaat maksimum daripada perkembangan ekonomi yang positif itu.

"Amat penting bagi kita untuk beri tumpuan dan fokus bagaimana kita boleh memanfaatkan persekitaran ekonomi yang memuncak dan positif. Jangan orang lain letak diri pada keadaan yang menguntungkan...kita pula menunggu dan melihat," katanya.

Ditanya mengenai banyak pihak kurang yakin dengan pelaksanaan RMK-9, beliau berkata: "Ini kesan zaman teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Maknanya maklumat sama ada betul atau tidak, petunjuk rasmi yang diiktiraf dunia atau yang direka oleh individu mudah disebar luas di kalangan masyarakat."

Katanya, ada pihak yang menggunakan ICT sebagai agenda politik untuk mengelirukan rakyat.

"Kita mesti terima hakikat bahawa petunjuk kita adalah rasmi. Kalau disemak oleh agensi dunia seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, mereka yakin dengan data ekonomi kita."

"Tidak ada ruang untuk sangsi terhadap data rasmi kita dan semua ini pun tidak timbul sebarang keraguan," katanya.

Menyentuh isu lain, Najib berkata, kerajaan tidak menghadapi sebarang tekanan untuk mengadakan pilihan raya umum.

"Tidak ada desakan sebenarnya. Bukanlah kerajaan tidak cukup majoriti. Bukan ada isu besar dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, pilihan raya umum akan diadakan apabila Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menetapkan masa yang paling sesuai.

Mengenai peluang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, Najib berkata: "Kita yakin... walaupun bukan mudah mempertahankan pencapaian luar biasa pada 2004". - Bernama